

# Nelayan resah hasil kurang

Tangkapan udang paling terjejas, terpaksa pulang awal

MOHD AZLIM ZAINURY

MARANG



SAHALUDIN

"Tangkapan udang kurang hanya tiga hingga empat kilogram sehari," demikian keleluhan beberapa nelayan di Merchang berikutan pendapatan mereka terjejas disebabkan keadaan semasa.

Hampir 40 tahun mencari rezeki sebagai nelayan, pelbagai rintangan telah diharungi Sahaludin Sulong, 53, namun katanya, keadaan cuaca panas turut memberikan kesan mendalam.

Menurutnya, hasil tangkapan udang tidak menentu kali ini, kadang-kadang ada; kadangkala tidak di-

tambah pula sudah berada pada penghujung musim udang selain keadaan cuaca yang panas.

"Ketika ini kami terpaksa balik awal, turun pukul enam sudah balik sebelum tengah hari, tiada udang, udang tak langgar pukat dan biasa kalau udang banyak pukul 7 malam baru sampai pengkalan."

"Pendapatan tangkapan udang itu tidak menentu, sekarang semakin kurang, musim sekarang ini tak banyak hanya tiga, empat kilo (sehari) sahaja," katanya ditemui, se-



Sahaludin (kiri) menjual hasil tangkapan udang kepada peralih ikan, Jamal Ismail, 32, (kanan) di jeti Merchang.

malam.

Beliau yang ditemani anak lelakinya, Lukman, 18, berkata, pendapatan sehari hanya boleh digunakan untuk pusingan modal ke laut keesokan harinya selepas hasil tangkapan itu terjual.

Bagaikan manusia (udang) sampai 20 kilogram sehari tapi musim udang tidak panjang dan sekarang tangkapan kurang, hari ini hanya dapat dua kilogram sahaja," katanya ditemui di jeti Merchang di sini.

"Kalau musim dia

Sementara itu, seorang

● Pendapatan sehari hanya boleh digunakan untuk pusingan modal ke laut

info

lagi nelayan, Awang Mohamad, 60, berkata, nelayan bergantung sepenuhnya kepada hasil laut dan jika tangkapan kurang sudah pasti terjejas sumber pendapatan mereka.

Menurutnya, keadaan itu akan memberikan lebih tekanan kepada mereka yang tidak mendapat bantuan daripada kerajaan termasuklah bantuan sara hidup nelayan dan keistimewaan lain yang disediakan.

"Ini berlaku kerana tidak semua nelayan dapat bantuan dan golongan mereka ini sudah pasti akan lebih terbeban tidak kira pada musim tengkujuh atau ketika musim tangkapan kurang sekarang" katanya.